

## Inovasi perubatan moden, tradisional selamatkan pesakit buah pinggang



DR Ab Aziz

Kota Bharu: Gabungan rawatan moden dan tradisional terbukti dapat mengelakkan seseorang pesakit buah pinggang daripada melakukan dialisis.

Pengasas Neo Wellness, Profesor Dr Ab Aziz Al Safi berkata, hasil kajian klinikal pasukannya di Universiti Sains Malaysia (USM) selama 12 bulan pada 2012 mendapati bekam boleh menurunkan paras glukos darah, tekanan darah, meningkatkan fungsi buah pinggang dan saluran darah.

"Hasil kajian ini dikongsikan melalui pembentangan saintifik di dalam dan luar negara. Berdasarkan hasil kajian yang begitu baik, kempen kesedaran tentang kelebihan berbekam klinikal telah dijalankan.

"Setelah bersara, saya menawarkan perkhidmatan berbekam yang digabungkan dengan perubatan moden di Neo Wellness Kota Bharu kerana kita ada ilmu bantu orang elak daripada dialisis termasuk pesakit buah pinggang kronik tahap 5," katanya.

Sementara itu, Dr Aziz terbuka hati untuk menawarkan perkhidmatan ini, katanya ketika mendengar video Mentor Usahawan, **Datuk Wira Dr Azizan Osman** sering kali mengulang sabda Rasulullah SAW, sebaik-baik manusia di antaramu adalah yang paling banyak manfaatnya bagi orang lain. (Riwayat Bukhari dan Muslim).

"Jadi saya rasa bila tak kongsi dengan orang lain ini akan menjadi kesalahan. Saya rasa dengan ilmu yang saya ada, saya boleh beri manfaat kepada ramai orang.

"Sebelum ini, saya hanya tunggu pesakit datang ke klinik namun selepas saya mengikuti beberapa program anjuran **RichWorks**, saya mula berjinak-jinak dengan media sosial. Jadi apa yang saya buat masa PKP, saya mula buat *live*, saya sambut cabaran Dr Azizan," katanya.

Katanya, baru beliau sedar betapa ramai orang tak tahu perkhidmatan yang ditawarkan selama ini.

"Selepas saya menggunakan media sosial lebih 50 peratus pesakit datang dari luar Kelantan, semua mereka tahu daripada media sosial.

"Jadi pada 2021 keuntungan klinik yang mempunyai 20 pekerja itu meraih RM7.2 juta berbanding RM4 juta pada 2020.

"Selain rawatan bekam klinikal, kami juga menawarkan produk kesihatan seperti Jus Afeeya. Saya juga menulis beberapa buah buku dan ebook, antaranya 9 langkah mudah selamatkan buah pinggang, resipi untuk sihat, sains bekam, *blood cupping therapy* dan panduan menangani obesiti," katanya.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut boleh layari laman web [neowellnessmy.com](http://neowellnessmy.com).

**Disiarkan pada: Februari 20, 2022 @ 1:22pm**